

JUMAAT | 24 JANUARI 2025

**Kami berehat sebentar.**  
Kami akan kembali pada 7 Februari 2025.

# AWAN DIGEGAR GURUH



Dua pemegang saham utama yang disabitkan atas kesalahan membocorkan data peribadi di seberang Tambak Johor mungkin telah mengejutkan pemegang saham Rexit. Bagaimanapun, langkah proaktif yang diambil oleh Rexit bagi memastikan integriti data, menjaga reputasi syarikat serta memulihkan keyakinan pelabur adalah usaha yang wajar dipuji.

## ISU ETIKA – KEBIMBANGAN DATA REXIT

Tawaran pengambilalihan, rombakan dalam lembaga pengarah, sabitan jenayah serta dakwaan pembocoran data mungkin kedengaran seperti plot dalam filem atau siri TV bergenre perniagaan tetapi ini adalah peristiwa sebenar.

Selepas tawaran pengambilalihan yang diketuai oleh Dato' Seow Gim Shen (Dato' Seow) serta beberapa buah syarikat lain pada Februari 2024, Rexit Berhad, sebuah penyedia penyelesaian Perisian Sebagai Perkhidmatan (*Software as a Service, SaaS*) yang tersenarai di Pasaran Utama Bursa Malaysia, melalui perjalanan yang penuh liku.

Pada Februari 2024, Dato' Seow, Metaco Asset Holdings Sdn Bhd (Metaco) dan Bemas Holdings Sdn Bhd (Bemas) mengambil alih 53.27% saham Rexit dengan nilai RM78.4 juta atau 85 sen sesaham daripada Rexit Venture Sdn Bhd, Global Hartabumi Sdn Bhd dan Datuk Chung Hon Cheong (Datuk Chung) melalui urus niaga perniagaan secara langsung. Pengambilalihan ini menyebabkan tawaran awam mandatori dibuat bagi memperoleh semua baki saham pada harga tunai 85 sen sesaham.

Satu rombakan lembaga pengarah telah dibuat selepas pengambilalihan itu. Pada 11 Mac 2024, Dato' Seow dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Rexit, diikuti dengan tiga lagi pelantikan baharu, termasuk dua pengarah bebas baharu serta seorang pengurus bukan eksekutif bukan bebas. Sementara itu, seorang Ketua Pegawai Operasi yang berpengalaman dalam bidang teknologi dan transformasi digital turut menyertai Rexit.

Segala-galanya berjalan lancar untuk Syarikat, sehinggalah tersiarnya khabar yang mengejutkan. Pada 24 Oktober 2024, berita mula tersebar bahawa dua pemegang saham utama Rexit iaitu Dato' Seow dan Kong Chien Hoi (melalui kepentingannya dalam Metaco Assets) masing-masing dijatuhi hukuman penjara 14 minggu oleh mahkamah Singapura atas kesalahan berkonspirasi untuk mendapatkan data lebih 9,000 individu secara haram.

Menurut laporan *The Straits Times*<sup>1</sup>, kedua-duanya mengaku bersalah atas satu pertuduhan bersubahat dengan seorang warganegara China, Sun Jiao untuk mendapatkan maklumat peribadi 9,369 individu yang tidak dikenali yang dibekalkan kepada mereka untuk operasi perjudian. Laporan itu juga menyatakan, Sun juga didakwa mempunyai kaitan dengan sindiket global yang menjalankan aktiviti siber berniat jahat.

Berikutan kejadian itu, Rexit menyaksikan harga sahamnya merosot daripada 76 sen pada 23 Oktober 2024 kepada paras terendah sepanjang 52 minggu, iaitu 69 sen pada 28 Oktober 2024, dengan penurunan sebanyak 9.2% dalam tempoh tiga hari dagangan.

---

<sup>1</sup> *Jail for 2 men who illegally obtained data from suspect in malicious cyber activities, The Straits Times*, diakses melalui <https://www.straitstimes.com/singapore/courts-crime/jail-time-for-two-men-who-illegally-obtained-data-from-suspect-in-malicious-cyber-activities>

Kaunter itu menyusut daripada paras tertinggi RM1.44 pada 26 Mac 2024 kepada 77 sen pada 20 Januari 2025.

Sehingga masa penerbitan, kepentingan Dato' Seow dan Metaco dalam Rexit kekal tidak berubah, masing-masing pada 23.33% dan 18%. Menurut pemfailan Bursa, Dato' Seow meletakkan jawatan daripada Lembaga Pengarah pada 11 Oktober 2024, enam minggu selepas beliau dilantik semula sebagai Pengerusi Eksekutif atas sebab "untuk memberikan tumpuan pada komitmen peribadi serta pertumbuhan usaha niaga baharunya yang lain<sup>2</sup>".

### **Pengurusan Data dan Integriti Data**

Sebagai penyedia penyelesaian SaaS untuk sektor perkhidmatan kewangan, khususnya industri insurans am, integriti data adalah faktor yang penting untuk Rexit.

Produk utama Rexit, *e-Cover*, menyediakan syarikat insurans dan ejen insurans suatu platform untuk memproses data transaksi insurans secara automatik, menggantikan keperluan input secara manual. Menurut laman sesawang Rexit, portal e-dagangnya ini digunakan oleh beribu-ribu ejen insurans, lebih daripada sepuluh syarikat insurans di Malaysia, satu di Singapura, lima bank dan syarikat telekomunikasi.

Rexit juga membangun, mengurus dan mengendalikan portal *mySalam*, skim perlindungan kesihatan nasional yang memberikan perkhidmatan kepada ahli yang layak.

Selain perniagaan terasnya dalam sektor insurans, Rexit telah mengembangkan model SaaSnya kepada industri unit amanah dengan sistem *e-PPA*, yang memudahkan penyerahan permohonan pelaburan amanah saham dan penebusan dengan menggunakan caruman KWSP.

Pada 21 Oktober 2024, Rexit mengumumkan pelantikan sebuah firma keselamatan siber bebas bagi mengesahkan keselamatan data syarikat terhadap sebarang kemungkinan perejahan. Keputusan ini dibuat hanya tiga hari sebelum Dato' Seow dan Kong dijatuhi hukuman di mahkamah Singapura.

Selepas itu, pada 1 November 2024, Rexit telah melantik LE Global Services Sdn Bhd (sebuah anak syarikat LGMS Berhad, yang disenaraikan dalam pasaran ACE) untuk melaksanakan audit keselamatan siber. Ini adalah tambahan kepada penemuan audit dalaman, yang membuat kesimpulan bahawa tidak berlaku kebocoran data serta proses keselamatan data syarikat adalah berdaya tahan terhadap sebarang ancaman.

---

<sup>2</sup> Pengumuman Rexit yang bertarikh 11 Oktober 2024, diakses melalui [https://www.bursamalaysia.com/market\\_information/announcements/company\\_announcement/announcement\\_details?ann\\_id=3491275](https://www.bursamalaysia.com/market_information/announcements/company_announcement/announcement_details?ann_id=3491275)

Rexit mengumumkan pada 6 Januari 2025 bahawa LE Global Services mengesahkan kesimpulan audit dalamannya iaitu tiada tanda-tanda kompromi atau kebocoran data sama ada dalam web terbuka atau web gelap yang berkaitan dengan aplikasi perkongsian perkhidmatan yang dikendalikannya.

Memandangkan perniagaan teras Rexit ada kaitan dengan institusi kewangan, data peribadi dan transaksi kewangan, mereka tidak boleh mengambil mudah sebarang ancaman siber. Bagaimanapun, berbanding dengan syarikat awam tersenarai yang berdepan risiko keselamatan siber yang ketara, tidak banyak yang didedahkan oleh Rexit tentang langkahnya untuk melindungi privasi dan keselamatan data<sup>3</sup>. Kenyataan kemampunan Rexit sebanyak dua halaman tidak menyebut tentang perkara material yang mempunyai kesan yang ketara terhadap aktiviti perniagaannya, termasuk keselamatan siber, privasi data atau tadbir urus data.

Pada ketika ini, kesan kewangan daripada insiden yang berlaku terhadap Rexit masih belum dapat dipastikan, sehingga terbitnya laporan keputusan suku tahunan berakhir 31 Disember 2024, yang dijangka dikeluarkan pada Februari 2025. Namun begitu, dalam satu wawancara bersama media tempatan pada Oktober 2024, penasihat Rexit, Datuk Chung, mengakui bahawa kejadian yang melibatkan Dato' Seow itu akan menjaskan keyakinan pelanggan, mengakibatkan kesan jangka pendek terhadap perniagaan baharu syarikat, dengan anggaran penurunan antara "10% hingga 15%"<sup>4</sup>.

Para pemegang saham juga perlu maklum bahawa Syarikat telah menukar akhir tahun kewangannya dari 30 Jun 2024 kepada 31 Disember 2024. Berikutan perubahan ini, Rexit telah mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk lanjutan masa sehingga 30 September 2025 bagi mengadakan Mesyuarat Agung Tahunannya yang ke-20, mengikut Seksyen 340 Akta Syarikat 2016.

Bagi tempoh pelaporan 15 bulan berakhir 30 September 2024, Rexit meraih keuntungan bersih berjumlah RM15 juta, dengan pendapatan berjumlah RM39.61 juta. Pada tahun kewangan 2023, syarikat mencatatkan pendapatan dan keuntungan bersih masing-masing berjumlah RM27.29 juta dan RM11.01 juta.

## Kesimpulan

Kepercayaan mengambil masa bertahun-tahun untuk dibina tetapi boleh musnah dalam sekilip mata. Walaupun Rexit telah membersihkan namanya daripada tuduhan pelanggaran data, kerosakan reputasi yang disebabkan oleh kejadian ini mungkin mengambil masa bertahun-tahun untuk dipulihkan.

Peristiwa yang berlaku dalam Rexit menekankan betapa pentingnya etika dan tadbir urus dalam sesebuah syarikat. Pengarah atau pemegang saham dengan rekod salah laku

<sup>3</sup> Laporan Tahunan Rexit 2023

<sup>4</sup> Artikel bertajuk "Rexit to appoint forensic auditor to ensure no data leak", disiarkan di halaman 18, The Edge Malaysia Weekly keluaran 21 – 27 Oktober 2024.

jenayah boleh merosakkan reputasi syarikat, menghakis kepercayaan pemegang kepentingan, seterusnya menyukarkan usaha menarik pelaburan atau menjalinkan kerjasama baharu.

Namun begitu, langkah proaktif yang diambil oleh Rexit, termasuk audit dalaman dan luaran, adalah tindakan yang wajar dipuji. Usaha ini memastikan bahawa keselamatan pangkalan datanya terlindung rapi, nama baik dan imej Syarikat terjaga, serta keyakinan para pelabur terpelihara.

Adakah Rexit mampu mencapai kembali harga saham tertingginya, RM1.44? Hanya masa yang akan menentukan.

**[TAMAT]**

#### PENDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

#### PENOLAKAN TUNTUTAN

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggar sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.